



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

#### UNIT SUKATAN DAN TIMBANGAN MENGELUARKAN DUA (2) NOTIS PERINGATAN SEMASA OPERASI SEPADU BERSAMA JABATAN HAL EHWAL PENGGUNA, JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK (JPES)

---

Tarikh: 25 April 2024

1. Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) dan Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan operasi bersepadu iaitu lawatan mengejut ke atas beberapa buah premis perniagaan di Daerah Brunei Muara pada hari Selasa, 23 April 2024.
2. Hasil daripada operasi berkenaan, penguatkuasa Unit SDT telah mendapati sebanyak dua belas (12) unit alat sukat dan timbang yang digunakan bagi tujuan perdagangan. Namun demikian, satu (1) unit daripadanya gagal mematuhi akta dan peraturan sukatan dan timbangan iaitu menggunakan alat sukatan yang telah mansuh tempoh sah penggunaannya.
3. Penguatkuasa Unit SDT juga telah mendapati satu (1) premis perniagaan menjual alat sukat dan timbang kepada pengguna tanpa kebenaran dari Unit SDT sebagai syarikat pembekal alat-alat sukat dan timbang. Kesemua alat yang dipamerkan telah diarahkan untuk diasingkan dari tempat jualan. Pihak syarikat berkenaan telah dikeluarkan Notis Peringatan untuk tindakan selanjutnya.
4. Pihak JPES telah mendapati kesemua lima (5) premis perniagaan yang diperiksa mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan peraturan-peraturan di bawahnya iaitu barangan yang dikawal harga seperti minyak masak serta susu tepung formula, tidak dijual melebihi harga maksimum yang ditetapkan, dan tanda harga dipamerkan dengan jelas dan betul. Satu (1) daripada lima (5) premis perniagaan berkenaan adalah peserta Jualan Mega Brunei 2024 dan premis tersebut didapati mematuhi garis panduan acara jualan murah yang telah ditetapkan.
5. Para peniaga adalah diingatkan bahawa setiap alat sukatan dan timbangan yang digunakan untuk tujuan perdagangan hendaklah didaftarkan dengan Unit SDT selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 dan Peraturan-Peraturan (Penelitian) 1994. Kegagalan dalam mematuhi mana-mana syarat di bawah akta ini adalah satu kesalahan dan boleh dikenakan denda sebanyak BND1,000.00 atau penjara selama tiga (3) bulan atau kedua-duanya sekali.
6. Para peniaga turut dinasihatkan untuk sentiasa patuh terhadap perundangan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan peraturan-peraturan di bawahnya dengan tidak menjual barangan yang dikawal harga melebihi harga maksimum yang ditetapkan, mempamerkan tanda harga dengan jelas dan betul serta mematuhi syarat-syarat acara jualan murah yang ditetapkan. Kepatuhan peniaga boleh membantu meningkatkan keyakinan pengguna dan merangsang aktiviti perekonomian dalam negara.
7. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi agensi-agensi berkenaan seperti keterangan berikut:

- i. Unit Sukatan dan Timbangan melalui e-mel: [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn) atau talian 233 3964; dan
- ii. Jabatan Hal Ehwal Pengguna melalui Talian Darussalam 123 dan aplikasi mudah alih PenggunaBijak atau e-mel kepada: [aduanpengguna@jpes.gov.bn](mailto:aduanpengguna@jpes.gov.bn)



## PRESS RELEASE

### MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

#### TWO (2) REMINDER NOTICES ISSUED BY WEIGHTS AND MEASURES UNIT DURING JOINT OPERATION WITH DEPARTMENT OF CONSUMER AFFAIRS, DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS

Date: 25 April 2024

1. Industry and Business Ecosystem Division (IBE) through Weights and Measures Unit (SDT) and Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) through Department of Consumer Affairs under the Ministry of Finance and Economy conducted Joint Operation on business premises at Brunei Muara District on Tuesday, 23 April 2024.
2. During the operation, SDT officers found twelve (12) units of weighing machines used for trading purposes. However, one (1) unit failed to comply with the Weights and Measures Act due to use of a weighing machine with an expired validity date.
3. SDT officers also found one (1) business premise selling weight scale machines to consumers without permit from SDT as an agent. All of the items are ordered to be taken down from the display. The business owner was given out Reminder Notice for further actions.
4. All five (5) business premises inspected by DEPS adhered to the Price Control Act, Chapter 142 and its regulations, where controlled items such as cooking oil and formula milk are not sold above the set maximum price, and prices are displayed clearly and accurately. One (1) of the five (5) business premises inspected is a participant of Brunei Mega Sales 2024 and the premise is found to comply with the prescribed sales conditions.
5. Business owners are advised to ensure weighing and measuring machines used during trading activities must be registered with SDT and in accordance with the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151 and Weights and Measures (Verification) Regulations 1994. Failure to comply with or contravene with any provision of the Act is an offense and is liable on conviction to a fine of BND1000.00 or imprisonment for a period of three (3) months or both.
6. Businesses are also advised to comply with the Price Control Act, Chapter 142 and its regulations by not selling controlled items above the set maximum price, displaying prices clearly and accurately as well as adhering to the prescribed sales conditions. Business compliance plays a role in increasing consumer confidence and stimulate economic activity in the country.
7. For any enquiries, public may contact the relevant agencies as follows:
  - i. Weights and Measures Unit via email: [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn) or contact at 233 3964; and
  - ii. Department of Consumer Affairs via Talian Darussalam 123 and PenggunaBijak app, or e-mail: [consumercomplaint@jpes.gov.bn](mailto:consumercomplaint@jpes.gov.bn)

UNIT SUKATAN DAN TIMBANGAN MENGELUARKAN DUA (2) NOTIS PERINGATAN SEMASA OPERASI SEPADU BERSAMA JABATAN HAL EHWAL PENGGUNA, JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK (JPES)

